

Dari Entrepot ke Agraria: Pemikiran tentang Pembangunan Ekonomi Berdasarkan *Undang-undang Kedah Ku Din Ku Meh*

From Entreport to Agraria: Ideas on Economic Development Based on the Undang-undang Kedah Ku Din Ku Meh Version

*‘AISYAH KAMARUDDIN^{1,2}

MAHANI MUSA¹

¹Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

²Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: aisyahk@ukm.edu.my

Published online: 25 May 2023

To cite this article: ‘Aisyah Kamaruddin and Mahani Musa. 2023. Dari entrepot ke agraria: Pemikiran tentang pembangunan ekonomi berdasarkan *Undang-undang Kedah Ku Din Ku Meh*. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 30(1): 173–196. <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.1.9>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.1.9>

Abstract. *The Malay states are often viewed by colonial scholar-officials as devoid of any systematic political system before the arrival of the West while its laws were seen as cruel and unworthy of the attention of the serious readers. In actuality, traditional laws like the Undang-undang Kedah (Kedah Laws) which was already in place since the 17th century had proved otherwise. This article aims to scrutinise the ideas and conceptions held by Kedah rulers with regards economic development as manifested in indigenous laws like the Undang-undang Kedah the Ku Din Ku Meh version (1893). This study applies the qualitative method which involve analysing the relevant sections of the Kedah laws to identify ideas, concepts and thoughts relating to state administration notably the economy of the state. Based on textual analysis of the Undang-undang Kedah the Ku Din Ku Meh version, it is found that Kedah had already in place an organised legal system so as to facilitate the economic transition that had taken place from the 13th to the 17th centuries which enabled the state to evolve from a port state to an agrarian one.*

Keywords and phrases: Kedah, economic transition, entreport, agriculture, *Undang-undang Kedah*

Abstrak. Negeri-negeri Melayu sering dilihat oleh sarjana pentadbir kolonial tidak mempunyai suatu sistem politik yang sistematik sebelum kedatangan Barat manakala aspek undang-undangnya pula dilihat kejam dan dianggap tidak perlu diberi perhatian serius oleh pembaca. Walhal kewujudan undang-undang tradisional seperti *Undang-undang Kedah* yang telah disusun sekurang-kurangnya sejak kurun ke-17 membuktikan sebaliknya. Artikel ini bertujuan meneliti idea dan pemikiran pemerintah Kedah tentang perancangan pembangunan ekonomi seperti yang terpancar dalam teks *Undang-undang Kedah* naskah Ku Din Ku Meh (1893). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan analisis terhadap fasal-fasal yang terkandung dalam teks tersebut bagi mengenal pasti idea, konsep dan pemikiran tentang pentadbiran negeri khususnya yang berkait dengan ekonomi. Berdasarkan kajian terhadap teks *Undang-undang Kedah* naskah Ku Din Ku Meh ini didapati bahawa Kedah telah pun mempunyai satu sistem perundangan yang tersusun demi memanfaatkan transisi ekonomi yang dilaluinya sejak kurun ke-13 hingga kurun ke-17 yang akhirnya membolehkan Kedah beralih daripada sebuah kerajaan pelabuhan kepada agraria atau pertanian.

Kata kunci dan frasa: Kedah, transisi ekonomi, entrepot, pertanian, *Undang-undang Kedah*

Pengenalan

Pengaruh *Eurocentrism* (pandangan dunia yang condong kepada peradaban Barat) terhadap karya-karya mahupun dokumen penjajah telah mengaburkan kekuatan negeri-negeri Melayu sebagai negeri yang tersusun dari sudut pemerintahannya. Lantas, negeri-negeri Melayu sering digambarkan lemah dalam pelbagai sudut, berada di bawah pemerintahan kejam dan memeras rakyat sehingga huru-hara yang akhirnya menjadi fenomena biasa dalam kesultanan Melayu. Undang-undang di negeri-negeri Melayu turut menjadi sasaran golongan pentadbir Barat ini kerana dikatakan kejam dan bersifat menindas rakyat. Pendek kata, selaras dengan misi imperialisme dan penjajahan, tulisan golongan sarjana pentadbir British sering menekankan bahawa negeri-negeri Melayu hanya dapat “dipulihkan” malah “ditamadunkan” dengan kehadiran kuasa Barat. Ironinya, kewujudan teks undang-undang di negeri-negeri Melayu menunjukkan keadaan sebaliknya. Fasal-fasal yang lengkap dan mencakupi segala aspek pentadbiran negeri, kuasa, ekonomi dan sosial masyarakat dengan jelas membuktikan kebijaksanaan pemerintah dan pentadbir negeri-negeri Melayu menyusun atur negeri masing-masing, sekian lama sebelum kehadiran penjajah. Mengambil Kedah sebagai kajian kes dan juga melihat dari sudut ekonomi, kewujudan teks undang-undang di negeri tersebut yang mula dikumpulkan sejak pemerintahan Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (mm. 1625–1652) sehingga pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah (mm. 1882–1943) menunjukkan persediaan rapi pihak pemerintah untuk memastikan kerajaan dan seluruh rakyatnya mendapat faedah yang besar daripada transisi ekonomi yang

dilalui oleh negeri itu. Sekurang-kurangnya sejak kurun ke-13, Kedah mula beralih tumpuan daripada sebuah pelabuhan entrepot kepada pertanian, suatu proses yang panjang dan lengkap dicapai pada kurun ke-17 dengan kemuncaknya pada dekad suku terakhir kurun ke-19 (Khoo 2001). Sehingga kini Kedah terus kekal sebagai “Negeri Jelapang Padi” di Malaysia.

Fasa Tranformasi Ekonomi Kedah

Dari sudut prasejarah, rantau utara semenanjung seperti Lembah Bujang yang terletak di pertengahan jalan perdagangan antara China dengan India memainkan peranan penting sebagai pusat entrepot atau *feederport* iaitu pusat pengumpulan barangan tempatan untuk dihantar ke pelabuhan (Leong 1990). Kedudukan Kedah sebagai pelabuhan entrepot ini disahkan oleh penemuan arkeologi di Lembah Bujang seperti pecahan tembikar Cina Dinasti Sung dan awal Dinasti Yuan, serta seramik, kaca dan manik dari Timur Tengah (Mohd Supian 2002). Menurut Andaya dan Andaya (2017), sebelum melebarkan jaringan perdagangan dengan China, India terlebih dahulu menaruh minat terhadap rantau Melayu ini terutamanya dalam pencarian emas, gaharu dan rempah. Disebabkan pelayaran mengambil masa yang lama, tempat persinggahan yang selamat untuk kapal singgah dan berlindung daripada angin monsun diperlukan di sepanjang Selat Melaka. Penemuan arkeologi yang berkaitan dengan tradisi Hindu-Buddha di Lembah Bujang menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya menjelang kurun ke-3 Masihi atau lebih awal lagi, perairan Kedah merupakan pelabuhan persinggahan dan pelepasan yang penting bagi kapal dagang dari India. Ekskavasi Lembah Bujang telah meninggalkan bukti-bukti penting kemeriahan ekonomi berasaskan peleburan besi, perdagangan, pertanian dan pertukaran produk tempatan. Lembah Bujang, menurut Andaya dan Andaya (2017), telah berjaya menarik minat para pedagang kerana keupayaannya menyediakan kemudahan yang sesuai sebagai sebuah pelabuhan – sambutan baik kepada pedagang, kecekapan dalam pengurusan kargo, menyediakan produk yang diperlukan oleh pedagang dan pengurusan yang cekap dan menyenangkan.

Kemajuan dalam perdagangan ini turut membuka kepada hubungan antara kawasan pesisir pantai dengan pedalaman (Allen 1988; Mohd Supian 2002). Menariknya, dalam tempoh penguasaan tersebut, kawasan Merbok-Muda dikatakan mengalami perubahan budaya yang penting termasuklah peralihan daripada pertanian padi huma/bukit kepada padi sawah dan perpindahan penduduk ke arah selatan (dari Merbok ke Muda) selepas tahun 1200 M/kurun ke-13. Allen (1988, 24) melihat kedua-dua peralihan ini ada kaitan dengan perubahan geomorfologi iaitu pelebaran pantai ke arah laut akibat mendapan sungai yang mengakibatkan wujudnya dataran tanah yang basah dan subur menghala ke kawasan Muda dan juga disebabkan kedalaman Sungai Merbok yang semakin cetek akibat kelodak.

Maklumat yang dinyatakan oleh Allen ini sebenarnya turut selari dengan maklumat yang terkandung dalam teks-teks persejarahan Kedah seperti *Salasilah atau Tarekh Ker-jaan Kedah* (Wan Yahya 1911) dan *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* (Muhammad Hassan 1968). Kedua-dua teks ini memperlihatkan Kedah mengamalkan dua bentuk ekonomi serentak iaitu perdagangan dan pertanian. Zaharah (1972, 99) turut menyatakan kehebatan Kedah dalam menguruskan perdagangan entrepot sehingga mampu menjadi negeri pengeksporth beras terbesar di negeri-negeri kepulauan Melayu, sebaris dengan Jawa dan Trang di Burma. Lebihan ini membolehkan Kedah mengeksport beras ke Melaka sehingga dikatakan bahawa keperluan beras di negeri itu mencukupi dengan bergantung kepada bekalan dari Kedah semata-mata. Hal ini terutamanya ketika Melaka berdepan dengan krisis kekurangan beras pada tahun 1642 (Winstedt 1936, 165). Sehingga kurun ke-19, Kedah masih lagi mengeksport beras ke negeri jiran seperti Pulau Pinang yakni kira-kira 7,000 tan setahun (Gullick 1987, 157).

Walaupun demikian, kurun ke-17 merupakan tempoh penting kerana mulai kurun ini, pemerintah Kedah semakin mempergiatkan usaha pertanian, dimulai semasa pemerintahan Sultan Rijaluddin dan diteruskan oleh pemerintah-pemerintah selepasnya. Usaha berpanjangan ini merupakan rentetan daripada pengalaman Kedah berdepan dengan krisis kekurangan beras pada tahun 1660. Sebagai contoh, semasa pemerintahan Sultan Rijaluddin, tumpuan diberikan kepada penggalan terusan dan pembukaan tanah-tanah baharu khususnya untuk tujuan pertanian dan penanaman padi. Usaha ini berterusan sehinggalah sewaktu pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazzam Shah II (mm. 1710–1778) yang menyaksikan kegiatan mengorek anak sungai telah dilakukan bermula dari Sungai Raja sehingga ke Sungai Tajar, Sungai Anak Bukit dan sungai-sungai lain di sekitar Alor Setar. Kesan daripada aktiviti ini mengakibatkan kawasan di sekitar Alor Setar menjadi semakin sesuai untuk penanaman padi kerana tidak digenangi air.

Seiring dengan kerancangan usaha memajukan penanaman padi, beberapa pembaharuan turut dilaksanakan oleh pemerintah Kedah untuk mengawasi perkembangan tersebut. Salah satu pembaharuan penting yang diperkenalkan semasa pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa ialah penyelarasan sistem ukuran tanah persempadanan melalui pengenalan geran tanah (surat putus) yang rasmi. Geran-geran ini merupakan dokumen bertulis tangan yang mempunyai cop mohor sultan di sebelah kanan. Seterusnya, ketika Sultan Muhammad Jiwa membuka pusat pentadbiran di Kota Setar, baginda mula membina terusan-terusan bagi kemudahan pengangkutan dan pertanian (Mohammad Isa 2011, 48). Pendek kata, pemerintah Kedah mempunyai keprihatinan dan kebijaksanaan merancang pertumbuhan ekonomi negeri sehingga dikatakan keuntungan hasil pertanian di tanah baharu seperti di Kota Setar adalah jauh lebih tinggi berbanding kawasan tanah lama

seperti di Yan dan sekitar Gunung Jerai (Logan 1851, 55–56). Dengan kelebihan ini, Zaharah (1972, 98) merumuskan bahawa Kedah masih mampu mengekalkan produktiviti dan kebergantungannya kepada penanaman padi sekurang-kurangnya sebelum penaklukan Siam pada 1821.

Teks Undang-undang Sebagai Pancaran Peralihan Ekonomi Kedah

Kajian tentang undang-undang tradisional telah banyak dilaksanakan dan ditulis oleh sarjana-sarjana pentadbir Barat namun tulisan mereka lebih merupakan panduan kepada pegawai Inggeris yang berkhidmat di Tanah Melayu. Antara pegawai kolonial British yang telah menerbitkan tulisan tentang undang-undang tradisional ialah Stamford Raffles, John Crawfurd, James R. Logan, William Maxwell, R.O. Winstedt dan R.J. Wilkinson. Walaupun dari satu segi, usaha mereka boleh dilihat telah menyebarkan maklumat bahawa orang Melayu mempunyai sejarah dan undang-undangnya tersendiri, namun rumusan mereka tentang undang-undang ini sering dipengaruhi oleh *Eurocentrism*. Menurut Blaut (2000), *Eurocentrism* atau *Eurocentric* merupakan satu pemikiran yang melihat Eropah sebagai pusat kecemerlangan dan menjadi dorongan kepada perkembangan manusia di tempat-tempat lain. Menurut Azmi (2012), sudut pandangan ini boleh dikesan dalam kebanyakan tulisan pegawai tinggi British di Tanah Melayu; bahawa Tanah Melayu mundur dan berada dalam keadaan teruk dan British ialah penyelamat dan pembawa kemajuan. Sebagai contoh, dalam satu syarahan berjudul “British Rule in Malaya” di Royal Colonial Institute, London pada 31 Mac 1896 di hadapan kelompok yang berminat untuk mengetahui tentang perkembangan empayar British, Swettenham mengungkapkan bahawa tidak wujud sistem perundangan di negeri Melayu; raja dan pembesar berkuasa penuh dan di tangan mereka, segala bentuk hukuman ditentukan terhadap rakyat. Oleh kerana kata-kata raja adalah undang-undang, Swettenham (1983, 178) merumuskan bahawa penindasan dan kekejaman merupakan perkara yang biasa berlaku dalam kesultanan Melayu. Bagi pentadbir-pentadbir kolonial ini, undang-undang tradisional ini adalah kejam dan hanya bertujuan menjaga kepentingan pihak pemerintah sahaja (Noor Aisha 2006, 78–79). Hal yang paling menarik adalah ketika Wilkinson (1970) menganggap undang-undang Melayu tidak boleh diambil serius kerana undang-undang tersebut bukanlah undang-undang yang sebenar.

Ukuran penilaian pegawai-pegawai kolonial ini sebenarnya adalah berasaskan sistem perundangan yang terdapat dalam masyarakat moden di Barat dan tidak sewajarnya digunakan sebagai kayu ukur kepada idea mahupun amalan perundangan dalam kesultanan Melayu tradisional. Meskipun kini, penerokaan terhadap teks perundangan tradisional semakin meluas di tangan sarjana

profesional, kebanyakan kajian ini lebih tertumpu kepada aspek ketatanegaraan iaitu peri pentingnya naskhah undang-undang tersebut sebagai panduan tentang cara pemerintahan kepada raja, pembesar dan untuk rakyatnya. Misalnya, kajian Liaw (2006), Norazit (1999), Halimah (2019), Ahmad Fawzi (2016) dan Jelani (2008; 2003; 2011). Paling menarik adalah pandangan Jelani (2008, xv) bahawa penggubal undang-undang tradisional bukan sahaja seorang ahli perundangan (adat) tetapi juga merupakan pembesar, ahli sejarah dan pemikir masyarakat sezamannya. Bertitik tolak daripada pandangan ini, makalah ini mengupas intisari *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh sebagai undang-undang yang disusun selaras dengan sejarah peralihan Kedah menjadi sebuah negara pertanian pada kurun ke-17.

Kedah merupakan sebuah negeri yang mempunyai banyak undang-undang. Dalam konteks ini, *Undang-undang Kedah* naskhah Winstedt (1928) lebih kerap dirujuk oleh pengkaji. Namun demikian, Jelani (2008) melihat *Undang-undang Kedah* bukanlah sebuah naskhah khusus sebaliknya merupakan cantuman beberapa buah naskhah yang telah dihasilkan semasa pemerintahan beberapa orang sultan Kedah yang berlainan. Jelani (2008, 97–98) yang banyak melakukan kajian terhadap teks undang-undang tradisional ini telah membahagikan isi kandungan *Undang-undang Kedah* kepada lima bahagian seperti berikut:

1. *Undang-undang Pelabuhan* (naskhah asal telah dihasilkan pada tahun 1060 H bersamaan 1650 M yakni semasa pemerintahan Sultan Rijaluddin Muhammad Syah [mm. 1625–1652]). Teks ini terdiri daripada 37 fasal tentang undang-undang pelabuhan termasuk tugas-tugas pegawai di pelabuhan, cukai dan adat penerimaan pedagang dari luar.
2. *Tembera Dato' Seri Paduka Tuan* (naskhah asal ditulis pada tahun 1078 H bersamaan 1667 M yakni semasa pemerintahan Sultan Dhiauddin Mukaram Syah [mm. 1661–1687]). Teks ini terdiri daripada 16 fasal tentang mencuri, jual beli, ternakan, tanaman padi, memasuki kampung orang dan pemilikan tanah.
3. *Hukum Kanun Dato' Besar Kota Setar* (naskhah asal dipercayai ditulis antara tahun 1710 sehingga 1778, semasa pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazzam Syah II yang memerintah dalam tempoh tersebut). Kota Setar diasaskan oleh Sultan Muhammad Jiwa pada tahun 1735. Teks ini terdiri daripada tujuh fasal tentang syarat-syarat raja dan pembesar serta kedudukan hamba raja.

4. *Bunga Mas dan Adat Istiadat* (tarikh naskhah tidak tercatat namun ada disebut nama Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah (yang memerintah antara tahun 1804 sehingga 1843). Terdapat 24 fasal tentang pertabalan raja, tugas syahbandar, bendahara, kadi, laksamana, bentara, peminangan, adat istiadat dan gelaran istana dalam teks ini.
5. *Undang-undang Laut*¹ (tarikh yang tercatat dalam undang-undang ini ialah pada tahun 1784 iaitu semasa pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Shah yang memerintah antara tahun 1778 sehingga 1797). Isi kandungan teks ini merupakan salinan daripada *Undang-undang Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* yang tidak diselenggara dengan lengkap oleh Winstedt.

Pada tahun 2021, sebuah lagi naskhah *Undang-undang Kedah* telah ditransliterasi dan diterbitkan dengan judul *Undang-undang Adat Negeri Kedah Kurun ke-19 Milik Ku Din Ku Meh*. Transliterasi daripada Jawi ke Rumi naskhah tersebut adalah berasaskan sebuah salinan undang-undang dalam tulisan Jawi yang tersimpan dalam bentuk dalam bentuk fail digital (Portable Digital File) di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dengan judul *Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* (nombor panggilan ANM 2007/0002643). Judul ini, walaupun demikian, agak mengelirukan kerana terlalu umum, walhal tajuk asal yang tertera pada manuskrip undang-undang yang pernah berada dalam simpanan keluarga Ku Din Ku Meh di Pulau Pinang tersebut ialah *Ondang-Ondang Kedah 1311* (Jelani et al. 2021, 6). Oleh itu, bagi mengelakkan kekeliruan tentang naskhah Jawi ini, makalah ini akan menggunakan perkataan “*Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh”, sekiranya merujuk kepada teks *Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* tersebut. Arkib Negara Malaysia memperoleh salinan manuskrip Jawi undang-undang tersebut daripada YM Tengku Ibrahim al-Haj pada tahun 1970.

Naskhah *Undang-undang Kedah* ini disalin oleh Mohamad Saad bin Nassir untuk Ku Din Ku Meh. Ku Din pernah berkhidmat sebagai penguasa penjara di Alor Setar semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid (mm. 1881–1943). Naskhah ini merupakan naskhah tersendiri yang dihasilkan pada kurun ke-19 kerana tarikh siap penyalinannya disebut “pada 20 Rabiulawal 1311 Hijrah” bersamaan 1 Oktober 1893 M. *Undang-undang Kedah* ini berjumlah 195 halaman muka surat dan boleh dibahagikan kepada tujuh bahagian seperti berikut:

1. 40 fasal undang-undang adat negeri Kedah (hlm. 1–151).
2. Adat undang-undang jong dan segala jenis perahu (hlm. 151–165).
3. Fasal undang-undang nobat Kedah (hlm. 166–169).

4. Kejadian iblis dan syaitan, serta pelbagai cerita tentang jin, malaikat dan juga Nabi Adam AS (hlm. 170–185).
5. Cerita tentang nabi-nabi dan alim ulama, termasuk Nabi Khidir AS. Pada bahagian akhir dicatatkan nama pemilik naskah ini iaitu Ku Din Ku Meh dan nama penulis Haji Muhammad Saad bin Nasir yang tinggal di Bukit Batu Hampar, Merbok. Turut dicatat ialah tarikh penulisan iaitu 20 Rabiulawal 1311 (hlm. 185–191).
6. Surat lesen timah semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid yang terdiri daripada 17 fasal peraturan mencari timah (hlm. 192–194).
7. Senarai nama sultan yang memerintah negeri Kedah bermula dengan sultan yang pertama, iaitu Sultan Muhammad Shah sehingga sultan ke-17, Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

Berdasarkan mukadimah yang terkandung dalam teks *Undang-undang Kedah* naskah Ku Din Ku Meh, dapat dikesan bahawa asal-usul penulisan undang-undang tersebut sebenarnya telah bermula sejak zaman pemerintahan Sultan Rijaluddin, mengalami tokok tambah mengikut peredaran zaman sehinggalah berakhir pada zaman Sultan Abdul Hamid yakni semasa Ku Din Ku Meh menjadi penguasa penjara di Alor Setar. Menariknya, Khoo Kay Jin yang merupakan sarjana paling awal mengkaji teks *Undang-undang Kedah* ini mendapati sebahagian daripada undang-undang tersebut masih digunakan pada penghujung kurun ke-19 terutamanya yang bersabit dengan undang-undang percukaian yakni hasil ripai (cukai kepala sebanyak 16 gantang padi setahun, ditambah satu gantang beras yang nilainya bersamaan dengan satu kenderi makanan untuk pegawai cukai) dan gendang atau hasil nobat (Khoo 1991, 60).

Berdasarkan sejarah penulisan, penyusunan dan pengamalan yang panjang, teks *Undang-undang Kedah* naskah Ku Din Ku Meh ini jauh lebih lengkap berbanding naskah Winstedt. Kewujudan 40 fasal undang-undang adat yang mengambil sebahagian besar ruang penulisan yang terdapat dalam naskah undang-undang tersebut dengan sendirinya membayangkan kesungguhan pihak pemerintah dan penggubal yakni raja, bendahara, ulama/hukama, menteri empat dan menteri delapan untuk melengkapkan proses transisi masyarakat Kedah sebagai masyarakat yang berteraskan agraria atau pertanian. Selain surat lesen timah yang dikeluarkan semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid, terdapat sekurang-kurangnya 19 fasal dalam undang-undang adat tersebut yang menyentuh hal ehwal ekonomi atau mata pencarian rakyat dan pemerintah. Daripada jumlah tersebut, lima fasal adalah

tentang pertanian yang diperturunkan secara terperinci terutamanya yang berkaitan dengan penanaman padi. Perkara ini bertepatan sekali dengan ulasan Khoo (1991, 57) bahawa teks undang-undang ini dapat memperlihatkan keadaan dunia ideologi dan konseptual yang wujud pada sesuatu masa iaitu anggapan semasa yang mentakrifkan dan membenarkan tindakan perkara-perkara semasa. Ideologi dan pemikiran pemerintah serta penggubal tentang kestabilan sosial dan kemajuan ekonomi ini amat terserlah dalam penelitian 40 fasal seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Judul 40 fasal *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh

Fasal
1. Syarat orang yang menjadi raja
2. Syarat orang yang menjadi menteri
3. Fasal alat pegangan menteri
4. Fasal hukum adat yang ditentukan
5. Fasal hukum perselisihan berbunuh-bunuhan
6. Fasal perbantahan laki-laki perempuan
7. Fasal hukum angkara derhaka selama-lama adanya
8. Fasal hukum pencuri, penyamun perilat harta orang
9. Fasal melanggar kampung rumah orang
10. Fasal berdusta menjual dusta demikian adanya
11. Fasal membayar orang berhutang taruh selama-lamanya
12. Fasal melarikan hamba orang atau tunangan orang
13. Fasal meminjam orang atau hamba orang atau berhutang orang
14. Fasal sewa binatang empat kaki atau dua kaki
15. Fasal perintah mengupah orang ambilan di dalamnya
16. Fasal berkahwin nikah-nikahan
17. Fasal dagangan larangan raja
18. Fasal tanah isi negeri
19. Fasal bendang isi negeri
20. Fasal berselisihan orang berbendang
21. Fasal orang berhuma padang hutan
22. Fasal orang berdusun-dusun kampung adanya
23. Fasal orang bergadai barang dagangan
24. Fasal sewa atau pajak-berpajak demikian adanya
25. Fasal berjual kampung bendang dusun-dusun
26. Fasal perniagaan jual beli pada barang dagangan
27. Fasal hasil atas rakyat dan kerjanya
28. Fasal hasil bunga emas atas segala menteri
29. Fasal menyambut surat-surat hendaklah dimuafakat baik
30. Fasal istemi tiap-tiap mukim isi negeri
31. Fasal merdeheka hamba-hamba sahaya orangnya
32. Fasal orang berkedai jual beli dalam pekan pesara
33. Fasal orang sewa perahu besar kecil adanya

(bersambung)

Jadual 1. (Sambungan)

Fasal
34. Fasal sewa senjata orang-orang adanya
35. Fasal mengambil upah membela gajah
36. Fasal sambut surat bersama bunga emas ke Siam
37. Fasal orang menyambung modal pergi berniaga
38. Fasal orang menaruh kelung gajah atau kerbau lembu
39. Fasal orang menchahari karang-karangan
40. Fasal surat kiriman puji-pujian surat

Sumber: Jelani et al. (2021) dan *Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi (1893)*²

Fasal-fasal tersebut sangat jelas menunjukkan bahawa *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh amat menitikberatkan peraturan yang berkaitan dengan masyarakat pertanian terutamanya yang terlibat dalam tanaman padi dan kehidupan di perdesaan, berbanding perdagangan. Meskipun beberapa naskhah *Undang-undang Kedah* yang lain turut memberi perhatian kepada aspek ini, namun huraiannya tidak terperinci seperti *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh. Hal ini menunjukkan pemerintah dan penggubal undang-undang dari zaman pemerintahan yang berbeza-beza amat mengambil berat tentang soal mewujudkan masyarakat berteraskan ekonomi pertanian yang kukuh demi memastikan rakyat mendapat bekalan makanan yang mencukupi seperti yang terpancar dalam fasal-fasal berkaitan tanah dan bendang dalam undang-undang tersebut.

Memperkukuh Ekonomi Penanaman Padi Menerusi Fasal Tanah dan Bendang

Mengenai penanaman padi, fasal-fasal yang terkandung dalam *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh lebih menyerlahkan wujudnya inisiatif oleh pihak pemerintah Kedah untuk memajukan penanaman padi secara tersusun. Misalnya, tatacara berbandang diberikan dengan teliti dalam fasal ke-19, “Perintah bendang dan perintah orang berbandang” (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi 1893*, 68–69). Pihak pemerintah ternyata menyedari berlaku banyak salah laku dalam soal berbandang, misalnya, kes mencuri air dalam kalangan petani. Kes sebegini lazimnya terjadi disebabkan keengganan petani untuk bekerjasama dengan petani lain. Contohnya, pemilik bendang di bahagian paling tepi dan merupakan yang paling hampir dengan sungai atau terusan tidak mahu bekerjasama dengan petani yang mempunyai bendang di bahagian tengah iaitu petani yang jauh daripada bekalan air. Lazimnya, masalah ini terjadi semasa musim membajak, menabur padi benih atau semasa fasa awal penanaman padi dan juga setiap kali musim menuai. Menyedari sikap sebegini boleh menjejaskan mata pencarian petani dan

secara tidak langsung akan merugikan perbendaharaan negeri, hukuman yang berat dikenakan terhadap kesalahan mencuri air. Fasal tersebut menetapkan sekiranya petani yang mengerjakan bendang di bahagian tengah mencuri air bendang orang lain (di bahagian tepi) sehingga kering, si pelaku akan dihukum dera dan 10 kali palu atau denda sebanyak seemas.

Bagi kesalahan mencuri atau menjual semaian petani lain, pesalah akan dihukum mengganti semula semaian mengikut gantian barang atau kaedah penyelesaian lain yang turut dipersetujui oleh pemerintah. Begitu juga bagi mereka yang membakar padi orang, pelaku akan didenda dengan hukuman yang berat walaupun kawasan yang dibakar adalah sedikit sahaja. Hukuman berat seperti hukuman bunuh, rampas barang atau denda sekati terhadap pesalah ini jelas menunjukkan betapa pemerintah dan penggubal undang-undang memandang serius terhadap perbuatan khianat kepada mereka yang mengerjakan tanaman padi (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 68–69).

Selain keperluan membina pagar, *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh turut menyalurkan idea yang bersifat teknikal (seperti ukuran keluasan) tentang penggunaan batas padi demi memudahkan pergerakan manusia tanpa merosakkan tanaman padi. Dalam fasal ke-19, misalnya, petani disarankan membina jalan kecil (batas) antara bendang, yang tidak dibenarkan menanam padi di sepanjang batas tersebut. Kegunaan batas ini adalah sebagai laluan manusia, gajah, kerbau dan lembu dengan penetapan keluasan tapak “tidak boleh kurang daripada lapan tapak”. Pematuhan terhadap ketetapan ini membolehkan petani menuntut keadilan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini seperti tanaman dirosakkan oleh kerbau, lembu atau jenis haiwan lain yang bertuan. Sebaliknya, petani tidak dibenarkan menuntut kerugian bagi tanaman yang dirosakkan oleh haiwan liar seperti gajah atau badak (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 67–74).

Betapa pentingnya penanaman padi kepada kerajaan Kedah telah menyebabkan aspek penggunaan tanah diberikan perhatian serius dalam semua naskhah *Undang-undang Kedah*. Bagi memastikan penggunaan tanah secara maksimum, penggubal undang-undang tersebut telah mengelompokkan tanah kepada dua jenis iaitu “tanah mati” dan “tanah hidup”. Umpamanya, *Undang-undang 1199 Hijrah* menjelaskan maksud tanah mati sebagai “tanah yang tidak dimiliki oleh sesiapa” manakala tanah hidup pula ialah “tanah yang merupakan hak milik individu yang telah dibina kediaman, mempunyai persempadanan tanah dan sebagainya di atas tanah tersebut”. Namun demikian, setiap tanah yang menjadi milik individu masih lagi tertakluk kepada perundangan adat yakni sekiranya tidak diusahakan lebih daripada setahun, pemilik akan dikenakan denda sebanyak sepaha (Mariyam 2005,

68). Hal ini agak berbeza dengan *Undang-undang Tembera Dato' Seri Paduka Tuan* (1078 H/1667 M) dalam fasal ke-16 yang menyebut bahawa tanah mati ialah tanah yang tidak mempunyai pemilik yang secara automatiknya akan menjadi milik raja (Mariyam 2005, 23). Dalam erti kata lain, menurut undang-undang adat, setiap tanah adalah hak mutlak raja dan rakyat hanya boleh mengusahakan tanah berkenaan sekiranya mendapat perkenan raja kerana rakyat bukanlah pemilik mutlak tanah tersebut.

Pembahagian kepada tanah hidup dan tanah mati atau tanah milik raja ini boleh dilihat sebagai satu kaedah bagi golongan pemerintah untuk menguasai petani di samping dapat menjamin hak pemilikannya terutama di kawasan yang berpotensi dari sudut pertanian (Mohammad Isa 2011, 40). Rasional di sebalik peraturan ini juga membolehkan golongan raja mengekalkan kedudukan dan kedaulatan mereka melalui konsep tanah adalah milik raja manakala rakyat merupakan golongan kelas kedua yang hanya mengusahakan tanah milik pemerintah (Milner 2011). Berdasarkan kepentingan ini, perihal berkenaan permasalahan tanah dinyatakan dengan teliti dalam *Undang-undang Kedah*. Misalnya, dalam *Undang-undang Kedah* versi Raffles, dalam bab "Undang-undang Semasa Pemerintahan Sultan Ahmad Tajudin" bahagian (iii), fasal keempat ada menyebut bahawa mana-mana tanah bendang, hutan, padang yang terbiar dan tidak diusahakan melebihi tempoh empat hingga lima tahun, secara automatiknya akan menjadi hak milik raja (*Undang-undang Kedah Versi Raffles* n.d., 39).

Berkenaan tanah milik raja, *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh memberikan perincian yang lebih mendalam dengan membahagikan tanah jenis ini kepada dua kategori. Pertama, tanah yang diberikan "tempoh sementara" kepada rakyat untuk diusahakan dan kedua, tanah ampun kurnia. Sekiranya tanah yang dikurniakan oleh raja tidak diusahakan dengan baik dan dibiarkan sehingga menjadi hutan, maka raja boleh mengambil semula tanah tersebut. Situasi berbeza pula bagi tanah ampun kurnia yang tetap akan menjadi hak milik mutlak si penerima sekalipun tanah itu tidak diusahakan. Walaupun peraturan ini kelihatan berlawanan dengan prinsip memperkukuh ekonomi kerana ampun kurnia biasanya melibatkan pemberian tanah yang luas, namun langkah ini dilihat penting sebagai usaha mendapatkan sokongan kelompok tertentu kepada pemerintah. Sungguhpun begitu, istilah hak milik mutlak ini juga masih boleh berubah mengikut keadaan dan kehendak raja. Tiada siapa yang boleh menegah raja untuk mengurniakan tanah kepada sesiapa yang dikehendaki baginda. Malah, sebagai inisiatif untuk menggalakkan rakyat agar tidak mensia-siakan tanah raja, sesiapa yang mengusahakan tanah dengan cara yang betul akan dikurniakan oleh raja dalam bentuk sejumlah wang sebanyak enam sebahagi daripada setiap tanah

yang telah diusahakan (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 55–63). *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh turut memberi panduan untuk memohon tanah raja iaitu bermula dengan mengisi permohonan yang lengkap dengan alamat, surat titah, cop raja dan menteri sebagai tanda ampun kurnia. Ketelitian dalam proses ini adalah bagi memastikan tanah tersebut diserahkan kepada individu yang benar-benar layak sahaja. Kemudian, setelah tanah mendapat kelulusan, pihak yang terbabit dengan urusan tanah kerajaan akan menjalankan proses menyukat untuk menentukan keluasan dan sempadannya.

Berdasarkan perhatian serius pemerintah dalam usaha berkaitan tanah, *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh amat tegas terhadap mana-mana individu yang gagal mengusahakan tanah dengan baik sehingga boleh dianggap ingkar kepada titah raja. Pendek kata, rakyat tidak boleh mengusahakan secara sambil lewa dan merugikan tanah raja (disebut dalam teks sebagai “‘ilat”).³ Rakyat yang berbuat demikian terhadap tanah raja juga dianggap derhaka lalu boleh disoal siasat dan dijatuhkan hukuman dera jika didapati bersalah. Hal ini ditegaskan dalam fasal ke-30 “Fasal istemi tiap-tiap mukim isi negeri” bahawa rakyat jelata ditiadakan oleh pemerintah supaya mengusahakan bendang di kawasan tanah yang terbiar. Oleh hal yang demikian, sesiapa yang tidak mematuhi perintah ini dianggap sebagai menderhaka kepada raja dan akan dikenakan hukuman berat seperti sula atau bunuh (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 98–99).

Bukan sahaja hal-hal berkaitan penggunaan tanah, *Undang-undang Kedah* turut mengandungi idea atau pemikiran pemerintah dan penggubal tentang aspek pemulihan tanah bendang bagi mengelakkan berlakunya kerugian terhadap guna tanah. Aspek pemulihan tanah bendang amat berkait rapat dengan isu kesuburan tanah yang akan menentukan kualiti beras keluaran negeri tersebut. Soal kualiti beras amat diberi perhatian oleh pemerintah dan penggubal. Dalam hal ini, beras keluaran negeri Perlis, yang sebelum tahun 1842 merupakan sebuah daerah yang berada di bawah kesultanan Kedah, turut diakui oleh penggubal *Undang-undang Kedah* sebagai jauh bermutu daripada beras keluaran Kedah. Lembangan Sungai Perlis yang subur yang amat sesuai untuk penanaman padi serta bekalan air yang mencukupi dari lembah sungai tersebut membolehkan Perlis bukan sahaja menghasilkan padi yang bermutu malah berupaya membekalkan bekalan beras dalam kuantiti yang banyak dan berterusan kepada Kedah. Oleh yang demikian, penggubal cuba mengingatkan pemerintah dan rakyat sedapat yang boleh agar tidak menjual beras dari negeri tersebut kepada pihak luar. Buktinya, dalam fasal ke-30, *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 98–99) tidak ketinggalan memberi pengiktirafan tentang mutu beras keluaran Perlis seperti berikut:

Syahdan beras padi dalam Perlis itu jangan dilepas keluar ke negeri asing-asing. Hendaklah larangkan dengan sesungguhnya dari kerana telah diketahui oleh segala manusia masyhur adanya padi Perlis ini tiada jadi didapat oleh segala yang berakal. Apabila dilepaskan keluar nescaya mahallah beras padi, kerugianlah atas rajanya dan wazir yang mempunyai negeri, dan panglima dan penghulu segala jajahan. Dan segala rakyat beroleh kelaparan, jadi berhutanglah segala rakyat...

Lembangan Sungai Perlis yang subur yang amat sesuai untuk penanaman padi serta bekalan air yang mencukupi dari lembah sungai tersebut membolehkan Perlis bukan sahaja menghasilkan padi yang bermutu malah berupaya membekalkan bekalan beras dalam kuantiti yang banyak dan berterusan kepada Kedah. (Hazman dan Mohd Kasturi Nor, 2020)

Fasal ke-30 dengan judul “Fasal istemi mukim” sebenarnya merupakan fasal yang dikhususkan kepada negeri Perlis. Istemi di sini bermaksud titah atau surat diraja yang bermeterai iaitu peraturan yang perlu dipatuhi oleh Perlis sebagai daerah yang berada di bawah kekuasaan Kedah. Selain larangan terhadap pengekspornan padi dari Perlis, peraturan lain adalah berkaitan tugas Panglima Perlis, ripai atau cukai yang dikenakan terhadap hulubalang dengan tujuan untuk belanja membuat bunga emas dan perak, larangan berjudi, menyabung ayam, minum arak, arahan sembahyang lima waktu dan sembahyang Jumaat, zakat dan fitrah, hal-hal berkaitan jenayah pecah rumah dan curi kerbau serta peraturan berbendang. Fasal-fasal ini dinyatakan secara umum sahaja tanpa penjelasan lanjut tentang peraturan dan larangannya.

Bagi menjaga mutu beras keluaran negeri Kedah pula, beberapa fasal *Undang-undang Kedah* telah memperkenalkan peraturan yang berupa penetapan beberapa kawasan tanah bendang yang tidak boleh ditanam padi secara berpanjangan sebaliknya perlu dilakukan secara berkala. Jenis tanah tersebut adalah seperti tanah yang hanya mengeluarkan hasil pada tiga atau empat tahun pertama sahaja dan pada tahun berikutnya, tanaman padi tidak menjadi dan hanya ditumbuhi rumput. Bagi menyelesaikan isu pemulihan tanah seperti ini, *Undang-undang Kedah* naskah Ku Din Ku Meh dalam fasal ke-21 “Peraturan orang berbuat huma”, telah menetapkan bahawa selepas tempoh tanaman tersebut selesai, tanah perlu dibiarkan untuk sementara waktu (walaupun menjadi hutan) dan kemudiannya dibakar. Kaedah membakar ini dipercayai menjadi baja semula jadi melalui penghasilan abu daripada hutan atau pokok-pokok yang dibiarkan tumbuh (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 73). Proses ini mengembalikan kesuburan tanah bagi tanaman padi pada tahun berikutnya. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa pihak pemerintah dan penggubal Kedah sangat bijak dan terancang dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan kesuburan tanah dan tanaman padi.

Berkait dengan urusan tanah ini juga, satu lagi aspek penting yang diberi perhatian oleh pemerintah dan penggubal ialah penyediaan geran (disebut dalam teks sebagai “surat putus”). Hal ini amat ditekankan dalam *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh. Peraturan ini bertujuan untuk memudahkan urusan pindah milik tanah, pemilikan, penjualan, pembelian, sewaan, gadaian tanah dan lain-lain (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 70). Melalui pemilikan tanah, kerajaan telah mengenakan cukai terhadap rakyat. Hal ini berterusan sehingga kedatangan British ke Kedah pada tahun 1909. Walaupun begitu, undang-undang ini turut mengecualikan beberapa kelompok masyarakat daripada membayar cukai seperti berikut:

1. Orang bebas yakni individu yang mempunyai dokumen pengesahan pengecualian bayaran cukai tanah daripada sultan.
2. Semua kakitangan pejabat kerajaan.
3. Penghulu.
4. Kakitangan masjid.
5. Orang nobat.
6. Orang lepau – orang yang menjadi pelayan istana.
7. Orang balei (balai) – orang yang menjalankan sistem kerah tetapi bertugas di istana secara bergilir-gilir.
8. Semua penunggang gajah.

Pengecualian ini dibuat khusus bagi menjaga kepentingan kelompok yang berkhidmat kepada raja dan perkara ini tidak menjejaskan ekonomi Kedah kerana melibatkan hanya sekelompok kecil masyarakat di negeri tersebut. Selepas kedatangan British, semua lapisan masyarakat tidak dikecualikan daripada membayar cukai tanah sekalipun individu tersebut daripada kelas atasan (*Kedah Annual Report Januari 1909–Januari 1910* 1909–1910, 60–62).

Bagi memastikan urusan jual, sewa-beli, pajak dan pindah milik tanah berjalan dengan lancar pula, penggubal berusaha memastikan aspek ini berlaku dalam bentuk perjanjian formal iaitu dalam bentuk bertulis yang melibatkan pemilik bendang (yang menyewakan) dan penyewa. Misalnya dalam *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh, dinyatakan bayaran had sewa tanah bendang adalah sebanyak dua kupang serelung dan penyewaan kepada individu yang sama tidak dibenarkan melebihi tiga musim penanaman padi. Setelah kedua-dua pihak bersetuju dengan syarat tersebut, semua peraturan berbendang selepasnya akan

terletak di bawah tanggungjawab penyewa sahaja. Misalnya, peraturan atau syarat membina pagar, jalan, menjaga perenggan tanah, memantau bendang daripada dimasuki haiwan ternakan, membuat saluran dan lain-lain lagi. Hal ini bermaksud segala peraturan tersebut perlu diikuti oleh penyewa sepanjang menyewa tanah dan sekiranya penyewa melanggar peraturan ini, pemilik bendang tidak boleh didakwa (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 70) .

Undang-undang Kedah naskhah Ku Din Ku Meh membincangkan dengan lebih mendalam berkenaan peraturan tanah bendang. Dalam fasal ke-24 “Perintah sewa dan pajak bendang, kampung dan dusun”, telah dicatatkan tentang peraturan meminjam dan sewaan tanah antara pemilik tanah, penyewa dan pemegang gadaian. Sepanjang tempoh tanah disewa, tanah tersebut tidak lagi menjadi hak milik empunya tanah (orang yang menyewakan) yang membawa maksud semua tanaman yang berada di atas tanah sewaan tidak boleh sewenang-wenangnya diambil oleh pemilik asal tanah tersebut. Umpamanya, tanaman buah-buahan seperti pinang atau nyiur yang telah matang tidak boleh diambil begitu sahaja oleh pemilik tanah tanpa kebenaran penyewa. Namun demikian, pemilik diberi sedikit kelonggaran untuk mengambil tanaman yang muda sahaja, itu pun tidak dibenarkan memungut secara berlebihan (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 84–85).

Peraturan-peraturan yang telah dibincangkan tersebut dengan sendirinya menjelaskan betapa pentingnya dokumen seperti geran sebagai bukti bertulis yang tercatat nama pemilik tanah. Bagi sesiapa yang mengambil ringan akan keperluan memohon geran, mereka akan dikenakan denda yang bersesuaian dengan kesalahan seperti yang termaktub dalam undang-undang adat ini. Segala urusan pindah milik tanah juga perlu dilakukan secara berperingkat. Tahap yang paling penting adalah mendapatkan perkenan daripada raja sama ada meluluskan atau sebaliknya untuk permohonan geran baharu semasa urusan pindah milik dilakukan. Pendek kata, segala persoalan berkenaan dengan tanah yang termaktub dalam *Undang-undang Kedah* ini masih lagi berpaksikan kepada perkenan dan kelulusan raja.

Sebenarnya, fungsi raja dalam persoalan tanah ada kalanya melebihi isu perkenan atau kelulusan daripada baginda sebagai puncak kuasa tertinggi. Hal ini kerana terdapat jenis tanah yang menjadikan raja sebagai “pemegang amanah” untuk sementara waktu bagi kes-kes terpencil seperti pemilik tanah merupakan penjenayah yang dihukum buang daerah. Perkara ini ada disebutkan dalam *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh dalam fasal ke-22, “Perintah orang berdusun”. Golongan ini boleh mendapatkan tanah mereka kembali selepas selesai hukuman kerana undang-undang ini menegaskan bahawa raja itu bersifat adil dan tidak akan membuat aniaya kepada rakyatnya termasuklah mereka yang

pernah melakukan kesalahan. Sungguhpun begitu, sekiranya pemilik tanah dusun berpindah ke daerah lain dan meninggalkan tanahnya (tanpa wakil atau waris yang tinggal berhampiran) serta membiarkan tanah sehingga enam musim penanaman padi, tanah tersebut berpotensi untuk dibeli oleh raja.

Bagi mana-mana pemilik bendang yang mahu berpindah ke kawasan lain dan ingin menjual tanah bendang kepunyaannya, maka pemilik bendang itu perlu menyatakan hasrat jualan tanah itu terlebih dahulu kepada raja sebelum orang kebanyakan. Sebaliknya, sekiranya pemilik bendang tidak berbuat demikian, beliau dianggap membelakangi raja dan melanggar adat. Malah, rakyat yang berkeras untuk membeli tanah tersebut dan sanggup bersaing dengan raja disifatkan menanggung kerugian besar (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 75–76). Bagi urusan sewaan tanah pula, fasal tersebut memperincikan proses yang harus dilalui oleh bakal penyewa. Tujuan proses berkenaan adalah untuk menyegerakan prosedur sewa sebelum penyewa sebelumnya menerima hasil tanaman melebihi tiga musim. Tempoh sewaan pula adalah secara berkala yang perlu diperbaharui oleh individu yang berlainan. Hal ini bertujuan untuk memberi peluang kepada orang lain menyewa tanah itu dan bukannya menjadi monopoli seorang individu sahaja. Sekiranya melampaui tempoh yang ditetapkan, mereka dianggap telah melanggar peraturan dan akan didenda sebanyak sebahagian harga sewaan serta perlu membayar cukai kepada raja. Setelah selesai kesemua proses, barulah pemerintah boleh memutuskan sama ada tanah itu boleh dipawah atau disewakan kepada orang lain (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 74). Idea yang terkandung dalam fasal-fasal ini dengan jelas menunjukkan tanah adalah hak milik raja dalam pelbagai kaedah dan bentuk, serta merupakan satu elemen terpenting bagi menjamin dan mengekalkan kedudukan serta kedaulatan raja.

Suatu hal yang menarik adalah sesuai dengan fokus ekonomi Kedah dalam sektor penanaman padi, *Undang-undang Kedah* naskah Ku Din Ku Meh turut memberi tumpuan kepada teknik atau kaedah dan teknologi penanaman sebelum memulakan penanaman padi. Mohd Taib (1993, 250–251) melihat “teknologi” sebagai dasar bagi aspek budaya yang melibatkan benda atau alat namun paling sedikit dikaji oleh para sarjana yang mengkhusus kepada budaya Melayu. Amat menarik sekali apabila Mohd Taib mengatakan tiada pembahagian antara tradisional dengan yang baharu dalam budaya material ini kerana sifat tradisional dengan sifat baharu adalah suatu kesinambungan. Sekiranya pandangan ini diambil kira, maka boleh disimpulkan bahawa Kedah sebenarnya telah menggunakan teknologi yang baik dalam usaha memajukan ekonomi pertanian khususnya padi. Namun berbalik kepada pandangan Mohd Taib bahawa keupayaan teknologi yang menentukan kedudukan istimewa di dunia, maka kebijaksanaan orang Melayu dalam budaya

material ini sering dikaburkan oleh *Eurocentrism*. Maka, negeri-negeri Melayu dan Dunia Ketiga kekal sebagai “pemakai” dan tidak akan menjadi “pembuat” dan oleh itu, tetap selamanya “terjajah”.

Zaharah (1972, 85) berpandangan bahawa pemerintah Kedah amat terbuka menerima unsur-unsur luar yang dapat memajukan ekonomi negerinya termasuklah penanaman padi. Dalam hal ini, teknik tanaman di Kedah yang bermula dengan proses memugar, membajak, menuai (disebut dalam teks sebagai “mengetam”) dan lain-lain, dikatakan turut mendapat pengaruh daripada Siam melalui hubungan politik dan kebudayaan dengan negara tersebut. Misalnya, teknik penanaman padi sawah (*wet field*) yang muncul di negeri-negeri Melayu utara termasuk Kedah dianggarkan berlaku sekitar atau selepas kurun ke-15. Mengiringi teknik penanaman ini, *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh dalam fasal ke-19 “Perintah bendang dan perintah orang berbendang” memuatkan peraturan berkenaan keperluan untuk membina terusan (disebut dalam teks sebagai “bandar air”) yang perlu dilakukan secara beramai-ramai. Rakyat yang enggan mengerjakan tugas tersebut akan dikenakan hukuman iaitu mereka perlu menyerahkan hasil padi dalam jumlah yang bersesuaian dengan hukuman yang tidak dinyatakan jumlahnya (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 66–67). Hal ini membuktikan bahawa dalam masa kerajaan giat merancang kegiatan pertanian, pemerintah juga berjaya mengenal pasti keperluan dan menyediakan kemudahan kepada petani atau rakyat untuk mendapatkan bekalan air yang mencukupi bagi setiap kali musim padi.

Keberkesanan pembinaan terusan turut diakui oleh John Anderson (1968, 144–146) semasa lawatannya ke Kedah pada tahun 1824 yang mendapati bahawa terusan merupakan komponen penting dalam menghidupkan aktiviti penanaman padi di negeri itu. Selain itu, semasa lawatan Frank Swettenham ke Kedah pada tahun 1889, beliau turut melahirkan rasa kekaguman terhadap usaha pemerintah Kedah kerana telah membina terusan yang memudahkan aktiviti pertanian sepanjang 20 km yang berbekalkan sumber air dari Gunung Jerai hingga ke Alor Setar (Barlow 1995, 294–295). Lawatan Swettenham sebenarnya bertujuan untuk mencari penyelesaian krisis air di Kerian namun pemerhatian beliau mendapati bahawa sawah padi di Kedah adalah lebih luas berbanding dengan negeri-negeri lain yang pernah dilawatinya di Semenanjung (Cant 1972, 33). Di samping itu, terdapat banyak lagi pembinaan terusan semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid namun yang paling penting ialah Terusan Wan Mat Saman (Mohammad Isa 2011, 53). Pembinaan Terusan Wan Mat Saman telah membantu memberikan kemudahan pengairan sehingga ke kawasan yang luas. Selepas Wan Mat Saman meninggal dunia pada tahun 1898, terusan ini disifatkan sebagai pencapaian terbesar orang Melayu dalam bidang kejuruteraan hidraulik kerana walaupun

sudah runtuh dan sebahagian daripada kondisinya telah pun berlubang, terusan ini masih terus berfungsi sebagai laluan air dari Gunung Jerai sehingga ke kawasan lain (Gullick 1987, 126–132).

Kaedah pembinaan terusan ternyata berjaya membuka lebih banyak saluran kecil bagi menyalurkan air ke kawasan pedalaman untuk tujuan mengairi bendang. Antara anak terusan yang masih digunakan sehingga kini ialah Sungai Kota Sarang Semut, Sungai Simpang Empat, Sungai Limau dan Guar Chempedak (Jabil, Nooriah dan Ahmad Tharmizzie 2010). Fasal ke-19 *Undang-undang Kedah* naskah Ku Din Ku Meh juga jelas menunjukkan wujudnya usaha kerajaan untuk membantu petani yang mengerjakan bendang melebihi 12 relung. Bagi kelompok ini, mereka disarankan membina tandop iaitu batas besar supaya dapat menahan air yang berlebihan daripada memasuki terusan. Fungsi tandop adalah sebagai sistem saluran yang boleh dikawal secara manual mengikut musim sama ada mahu membuka atau menutup saluran air yang menuju ke bendang. Semua petani yang terbabit diwajibkan membina tandop sekalipun kedudukan bendang mereka berada di kawasan tanah yang lebih tinggi dan tidak berdepan dengan risiko dinaiki air (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 67).

Ketika menyentuh perihal pertanian, persoalan tentang haiwan turut menjadi perbincangan utama dalam *Undang-undang Kedah*. Haiwan ini dapat dibahagikan kepada dua kelompok iaitu haiwan liar dan haiwan ternakan yang berfungsi sebagai alat bantu untuk memajukan aspek perdagangan dan pertanian. Ternakan seperti kerbau dianggap penting untuk kehidupan masyarakat tradisional di Kedah terutamanya bagi golongan petani. Dalam soal ini, sultan Kedah melalui undang-undang tersebut telah menitahkan rakyat agar sentiasa melakukan kerja-kerja pembersihan hutan secara bergotong-royong. Hal ini bagi membasmi permasalahan berkaitan dengan binatang buas seperti rusa dan babi melalui kaedah memusnahkan atau mengurangkan habitat haiwan-haiwan tersebut. Walaupun demikian, sebelum menebas sesuatu kawasan, rakyat perlu terlebih dahulu memastikan yang kawasan tersebut bukanlah milik sesiapa. Rakyat yang enggan bekerjasama akan dipulau ketika berada di masjid dengan cara tidak dibenarkan solat di saf (barisan) hadapan dan tidak dibenarkan pulang bersama jemaah lain. Mereka menjadi jemaah yang paling akhir beredar setelah jemaah yang lain pulang ke rumah masing-masing (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 67–68).

Selain aspek tanah dan berbandang, pengawasan terhadap haiwan diberi perhatian oleh penggubal kerana perkara ini boleh menjejaskan tanaman padi. Oleh itu, *Undang-undang Kedah* naskah Ku Din Ku Meh dalam fasal ke-19 “Perintah bendang dan perintah orang berbandang” memberikan perincian yang lebih mendalam tentang peraturan bagi pemilik ternakan seperti kerbau dan lembu. Mereka tidak boleh memelihara haiwan tersebut di kawasan yang telah ditanam

padi sebaliknya hendaklah dibawa ke satu tempat khas dinamakan “padang besar”. Sekiranya peraturan itu gagal dipatuhi, pemilik haiwan akan disamakan seperti memelihara bangkai (bukannya ternakan) sekiranya tidak diletakkan di tempat yang telah ditentukan. Larangan-larangan lain termasuklah larangan membawa haiwan secara sembarangan melintasi kawasan bendang kerana dikhuatiri akan merosakkan tanaman petani lain. Pemilik yang melanggar peraturan ini akan dikenakan denda sebanyak tiga tahlil atau setahlil sepaha berserta membayar ganti rugi harga padi yang rosak (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 68).

Bagi kes petani yang berjaya menangkap kerbau yang mengganggu tanaman, pemilik bendang boleh menjadikan kerbau tersebut sebagai tebusan. Pemilik kerbau dikehendaki membayar denda sebanyak dua emas berserta harga semaian yang ditetapkan mengikut harga semasa semaian di daerah itu. Bagi kerbau yang mengganggu tanaman petani tetapi tidak dapat ditangkap, pemiliknya perlu membayar semua ganti rugi kepada petani tersebut termasuklah ganti rugi semaian, tuaian padi dan benih padi sehingga keadaan pulih sepenuhnya (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 64–65). Selain itu, undang-undang ini turut mengenakan peraturan kepada peminjam binatang ternakan seperti berikut:

Jadual 2. Jenis kesalahan peminjam kerbau dan lembu serta denda yang dikenakan

Situasi	Denda
Semasa kerja menarik kayu/bendang	Setengah harga sebahagian
Ditangkap harimau dalam kandang	Sepertiga harga
Berlaga dengan kerbau orang lain	Sepenuh harga
Putus tali berlaga dengan kerbau orang lain sehingga mati kerbau orang lain	Sepenuh harga kerbau yang mati
Kerja lebih daripada kemampuan sehingga mati	setengah harga haiwan yang mati
Mati semasa diletakkan atau dimakan harimau	sepertiga harga haiwan terbabit
Mati tanpa sebab/takdir Allah	Tiada denda dikenakan

Sumber: Diubah suai daripada *Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* (1893, 41 dan 65)

Berdasarkan Jadual 2, semasa seseorang individu itu meminjam harta benda individu lain dalam bentuk yang pelbagai, maka individu tersebut perlulah bersedia untuk bertanggungjawab sepenuhnya dengan apa sahaja kemungkinan yang boleh berlaku sepanjang proses peminjaman. Hal ini bermaksud si peminjam tidak boleh memandang ringan terhadap harta benda yang dipinjam. Misalnya, bagi peminjam kerbau dan lembu yang membiarkan haiwan tersebut mengganggu tanaman orang lain, penyewa perlu membayar harga penuh kepada pemilik tanaman sebagai ganti rugi terhadap tanaman yang telah dirosakkan oleh haiwan tersebut (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 41–42). Hal ini turut menunjukkan

bahawa teks *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh agak berbeza dengan teks *Undang-undang Kedah* yang lain kerana teks ini amat memberatkan komitmen antara kedua-dua belah pihak iaitu pemilik dan peminjam semasa proses peminjaman berlaku. Pendek kata, kedua-dua pihak perlu bertanggungjawab atas persetujuan yang dibuat termasuklah perlu sama-sama bertanggungjawab terhadap segala kemusnahan yang berlaku dalam tempoh peminjaman. Hal ini juga secara tidak langsung dapat menyedarkan pemberi pinjam supaya bertanya dengan jelas tujuan peminjaman tersebut agar tiada perkara yang tidak diingini berlaku.

Setelah mendapat pulangan daripada sektor ekonomi yang dijalankan, sebagai satu kaedah penyucian terhadap hasil perolehan daripada perkara yang dikerjakan serta mengimbangi antara keuntungan dunia dan akhirat, rakyat dititahkan supaya membayar zakat mengikut kiraan yang telah ditetapkan bergantung kepada keuntungan daripada hasil bendang yang diusahakan oleh mereka. Semakin banyak bendang yang dikerjakan, semakin tinggi nilai bayaran zakat yang perlu dikeluarkan. Kewajipan mengeluarkan zakat disebutkan dalam setiap teks *Undang-undang Kedah* kecuali *Undang-undang Pelabuhan* (yang lebih cenderung membincangkan aspek perdagangan). *Undang-undang Tembera Dato' Seri Paduka Tuan* (1078 H/1667 M) misalnya, mencatatkan kewajipan ini dalam fasal ketiga berkenaan pengeluaran kadar zakat mengikut kepada kiraan dan perolehan iaitu sebanyak 10 emas zakat daripada keuntungan bendang (Mariyam 2005, 17, 19). Selain itu, semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah, baginda juga telah beberapa kali menegaskan berkenaan kewajipan ini yang terbukti dalam catatan *Undang-undang Kedah* versi Raffles pada bahagian (iii) dan bahagian (iv) "Undang-undang Semasa Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin". *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh dalam fasal ke-30 juga telah beberapa kali menegaskan perkara ini yang salah satunya menyebut, "Dan apakala selesai kerja bendang sudah, ambil buah padi suruh keluaran zakatnya, hantar ke masjid, serahkan pada pegawai masjid" (*Undang-undang Kedah Versi Melayu-Jawi* 1893, 101).

Berpandukan isi kandungan teks ini, aspek perolehan zakat turut diberi perhatian oleh pemerintah bagi membela nasib golongan yang tidak berkemampuan untuk mendapatkan hak mereka. Selain kegiatan pertanian, zakat juga perlu dikeluarkan melalui perolehan keuntungan dalam perniagaan dan jual beli.

Kesimpulan

Sebagai "penutup" kepada perundangan tradisional Kedah atau dalam kata lain sebagai teks yang paling akhir dikarang sebelum kedatangan pihak kolonial, teks *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh menyediakan sudut pandang

baharu terhadap sejarah negeri Kedah. Adalah penting untuk tidak hanya meneliti aspek ketatanegaraan semata-mata, seperti yang kerap menjadi tumpuan para sarjana sebelum ini. Sebaliknya, penelitian terhadap tiga domain—tempoh pengarang teks ini, pihak yang terlibat dalam penggubalannya dan isi kandungan atau fasal-fasal yang terkandung di dalamnya—jelas menunjukkan teks ini selari malah melengkapkan catatan tentang proses transisi ekonomi yang dilalui oleh Kedah. Daripada sebuah kerajaan entrepot, Kedah menjadi sebuah kerajaan agraria atau pertanian ekoran pemendapan laut lantas mendorong perpindahan penduduk ke dataran yang lebih subur untuk aktiviti pertanian khususnya penanaman padi sejak kurun ke-13. Peralihan ekonomi ini berjaya dicapai pada kurun ke-17 dengan ditandai oleh penggubalan *Undang-undang Kedah* semasa pemerintahan Sultan Rijaluddin. Meskipun hala tuju ekonomi sentiasa mengalami perubahan setiap kali berubahnya tampuk pemerintahan, teks perundangan ini tetap menonjolkan raja (dengan dibantu oleh menteri-menteri) sebagai aktor penting yang menentukan hala tuju ekonomi Kedah. Fasal-fasal yang terkandung dalam undang-undang tersebut boleh diterjemahkan sebagai idea, pemikiran atau usaha pihak pemerintah dalam sebuah negara yang merdeka untuk memastikan pembangunan ekonomi berjalan lancar demi kedaulatan dan kesejahteraan rakyat. Teks perundangan tradisional dalam konteks ini, dengan sendirinya menjadi sumber penting yang dapat menangkis sudut pandangan penjajah British bahawa tidak wujud suatu pemerintahan yang sistematik dalam kesultanan Melayu. Pandangan sebegini tidak lain hanyalah untuk menutup niat dan tindakan campur tangan mereka di Tanah Melayu demi kepentingan ekonomi.

Nota

1. Terdapat perbezaan antara tulisan Jelani (2008, 97–98), Mariyam (2005, x) dan Winstedt (1928, 1) berkenaan bahagian kelima ini. Jelani menulis sebagai *Undang-Undang Laut*, Mariyam menulis sebagai *Undang-undang Hijrah Seribu Seratus Sembilan Puluh Sembilan* manakala Winstedt menulis sebagai *Undang-Undang, Dated 1199 S.H = 1784 A.D.*
2. Bagi mengelakkan kekeliruan selepas ini, senarai isi kandungan yang dinyatakan di dalam jadual merupakan halaman pertama naskhah asal. Ada kalanya senarai halaman ini agak berbeza dari segi perkataan yang digunakan dalam keterangan fasal. Penulis tidak mengubah sebarang transliterasi dalam naskhah yang dibincangkan. Namun demikian, keadaan ini tidak menjejaskan keseluruhan keterangan fasal-fasal yang dibincangkan kerana hanya melibatkan fasal tertentu sahaja.
3. ‘Ilat bermaksud sebab yang mengakibatkan suatu kecelakaan atau kemalangan.

Rujukan

- Ahmad Fawzi Basri. 2016. *Cempaka sari: Sejarah kesultanan negeri Perak*. Pahang, Malaysia: Penerbit Geroda Merah.

- Allen, S. 1988. Trade, transportation, and tributaries: Exchange, agriculture, and settlement distribution in early historic-period Kedah, Malaysia. PhD diss., University of Hawaii.
- Andaya, B.W. and Andaya, L.Y. 2017. *A history of Malaysia*. 3rd Ed. New York: Palgrave.
- Anderson, J. 1968. *Political and commercial consideration related to the Malayan Peninsula and British settlement in Straits of Malacca*. Singapore: Malayan Printer.
- Azmi Arifin. 2012. Perak disturbances 1871–75: British colonialism, the Chinese secret societies and the Malay rulers. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 39(1): 51–76.
- Barlow, H.S. 1995. *Swettenham*. Kuala Lumpur: Southdene Sdn. Bhd.
- Blaut, J.M. 2000. *Eight Eurocentric historians*. New York: The Guilford Press.
- Cant, R.G. 1972. *An historical geography of Pahang*. Monograph No. 4. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Gullick, J.M. 1987. *Malay society in the late nineteenth century: The beginnings of change*. Singapore: Oxford University Press.
- Halimah Hassan. 2019. Raja dan pembesar dalam Undang-undang 99. In *Kesultanan Melayu Perak*, ed. Harun Mat Piah, 226–256. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hazman Hassan and Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. 2020. *Salasilah Perlis: Asal usul pemerintahan Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabil Mapjabil, Nooriah Yusof and Ahmad Tharmizzie Mat Jusoh. 2010. Transformasi pembangunan ekonomi di negeri Kedah: Perspektif historikal. *Prosiding Persidangan Ekonomi Malaysia ke-V 2*: 15–17.
- Jelani Harun. 2011. *Umpama sebuah bahtera: Kajian naskhah Melayu sejarah kesultanan negeri Perak*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- _____. 2008. *Undang-undang kesultanan Melayu dalam perbandingan*. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- _____. 2003. *Pemikiran adab ketatanegaraan kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun, Mahani Musa, Idris Mansor and ‘Aisyah Kamaruddin. 2021. *Undang-undang adat negeri Kedah kurun ke-19 milik Ku Din Ku Meh*. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Univesiti Sains Malaysia.
- Kedah annual report, Januari 1909–Januari 1910*. 1909–1910. CO 716/1. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Khoo, K.J. 2001. Rice cultivation and Kedah. In *Early modern history [1800–1940]. The Encyclopedia of Malaysia*, ed. B.K. Cheah, Vol. 7, 22–23. Singapore: Archipelago Press.
- _____. 1991. Undang-undang Kedah dengan tumpuan khusus kepada pengawalan hak milik tanah. In *Masyarakat Melayu abad ke-19*, ed. Jawatankuasa Kolokium Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 56–86. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leong, S.H. 1990. Collection centres, feeder points and entreports in the Malay Peninsular. In *The Southeast Asian port and polity: Rise and demise*, eds. J. Kathirithamby-Wells and J. Villers, 17–38. Singapore: University of Singapore Press.

- Liaw, Y.F. 2006. Undang-undang Melaka sebagai sumber ketatanegaraan. In *Kumpulan kertas kerja seminar manuskrip Melayu: Melestarikan manuskrip Melayu warisan agung bangsa*, ed. Arkib Negara Malaysia, 116–126. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Logan J.R. 1851. Notes at Pinang & Kidah etc. *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* 5: 53–65.
- Mariyam Salim. 2005. *Undang-undang Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Milner, A.C. 2011. *The Malays*. United Kingdom: Wiley-Blackwell Publishing Ltd.
- Mohammad Isa Othman. 2011. *Pengalaman Kedah dan Perlis: Zaman penjajahan British*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Supian Sabtu. 2002. *Tamadun awal Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 1993. Pengkajian budaya material Melayu: Satu tinjauan awal. In *Tamadun Melayu*, eds. Ismail Hussein, Aziz Deraman and Abd. Rahman al Ahmadi, Vol. 1, 250–265. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hassan To' Kerani Mohd Arshad. 1968. *Al-tarikh salasilah negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aisha Abdul Rahman. 2006. *Colonial image of Malay adat laws: A critical appraisal of studies on adat laws in the Malay Peninsula during the colonial era and some continuities*. Leiden: Brill.
- Norazit Selat. 1999. Kepimpinan dan ketatanegaraan dalam Undang-undang 99 Perak. In *Warisan persuratan Johor II: Perundangan dan ketatanegaraan Melayu*, eds. Zainal Abidin Borhan and Yayasan Warisan Johor, 265–281. Johor, Malaysia: Yayasan Warisan Johor.
- Swettenham, F.A. 1983. British rule in Malaya. In *Honorable intentions: Talks on the British empire in South-East Asia delivered at the Royal Colonial Institute 1874–1928*, ed. P.H. Kratoska, 170–211. Singapore: Oxford University Press.
- Undang-undang Kedah versi Melayu-Jawi*. 1893. ANM 2007/0002643. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Undang-undang Kedah versi Raffles*. n.d. M 1785. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wan Yahya Wan Mahamad Taib. 1911. *Salasilah atau tarekh ker-jaan Kedah*. Pulau Pinang, Malaysia: The British Malaya Press.
- Wilkinson, R.J. 1970. Malay law. In *Readings in Malay adat laws*, ed. M.B. Hooker, 6–47. Singapore: Singapore University Press.
- Winstedt, R.O. 1936. Notes on the history of Kedah. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 14(3): 15–189.
- _____. 1928. Kedah laws. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 6(2): 1–44.
- Zaharah Haji Mahmud. 1972. The period and the nature of “traditional” settlement in the Malay peninsula. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 43: 81–113.